



BIBLIOMETRIC ANALYSIS OF PERFORMANCE PUBLICATIONS OF ISLAMIC FINANCIAL INSTITUTIONS IN THE SCOPUS DATABASE

ANALISIS BIBLIOMETRIK PENERBITAN PRESTASI INSTITUSI KEWANGAN ISLAM DALAM PANGKALAN DATA SCOPUS

FADZILA AZNI AHMAD

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Email: sukainah@usm.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 19TH MARCH 2024; REVISED – 21ST MARCH 2024; ACCEPTED – 26TH MARCH 2024)

ABSTRACT

This paper aims to conduct a bibliometric analysis on publications related to the performance of Islamic financial institutions in the Scopus database spanning the period from 1996 to 2023 to provide a scholarly assessment of global trends and research prospects in Islamic financial institutions. The design, method, and approach used to produce this paper involve bibliometric analysis focusing on trends in the publication of Islamic financial institution performance based on publication years, types of publications, countries of authors' affiliations, prolific authors, prolific journals, citations, and mapping of prolific author collaborations. A total of 395 publications were examined in this study. The annual quantity of research published before 2011 followed a low publication growth rate, while the quantity of publications after 2011 was observed to have a rapid growth rate. Malaysia, followed by Indonesia, had the highest number of publications in the field of Islamic financial institution performance research, with both countries contributing 214 (54.18%) publications. The Journal of Islamic Accounting and Business Research is the most productive journal in publishing research related to the performance of Islamic financial institutions. Overall, publications on the performance of Islamic financial institutions in the Scopus database (1996-2023) focus on keywords such as banking institutions, financial performance, banking performance, and corporate governance. This

provides a comprehensive overview and suggestions for future research on the performance of Islamic financial institutions.

Keywords: Performance; Islamic Financial Institutions; Islamic Banking; Scopus; Bibliometric Analysis.

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan menjalankan analisis bibliometrik ke atas penerbitan berkaitan prestasi institusi kewangan Islam dalam pangkalan data Scopus sepanjang tempoh 1996 - 2023 untuk memberikan penilaian saintifik trend global dan prospek penyelidikan institusi kewangan Islam. Reka bentuk, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk menghasilkan makalah ini ialah menerusi analisis bibliometrik dengan memberikan tumpuan kepada trend penerbitan prestasi institusi kewangan Islam berdasarkan tahun penerbitan, jenis penerbitan, negara afiliasi pengarang yang prolifik, jurnal prolifik, sitasi dan pemetaan kolaborasi pengarang prolifik. Sebanyak 395 penerbitan telah diteliti dalam kajian ini. Kuantiti tahunan penyelidikan yang diterbitkan sebelum tahun 2011 menuruti kadar pertumbuhan penerbitan yang rendah; manakala kuantiti penerbitan selepas tahun 2011 dilihat mempunyai kadar pertumbuhan yang pesat. Negara afiliasi pengarang yang mempunyai bilangan penerbitan tertinggi dalam bidang penyelidikan prestasi institusi kewangan Islam ialah Malaysia diikuti Indonesia dengan jumlah penerbitan kedua-dua negara sebanyak 214 (54.18%) penerbitan. *Journal Of Islamic Accounting And Business Research* merupakan jurnal paling produktif dalam penerbitan penyelidikan berkaitan prestasi institusi kewangan Islam. Secara umumnya penerbitan prestasi institusi kewangan Islam dalam pangkalan data Scopus (1996-2023) tertumpu kepada kata kunci institusi perbankan, prestasi kewangan, prestasi perbankan dan tadbir urus korporat. Perkara ini dapat memberikan gambaran menyeluruh dan cadangan penyelidikan masa hadapan bagi prestasi institusi kewangan Islam.

Kata kunci: Prestasi; Institusi Kewangan Islam; Perbankan Islam; Scopus; Analisis Bibliometrik.

PENGENALAN

Lonjakan dalam pertumbuhan institusi kewangan Islam baik secara teoretis mahupun praktis telah mencetuskan percambahan perbincangan dan penghasilan pelbagai bentuk output dalam kalangan penggubal dasar, sarjana dan pelaksana (Majeed & Zainab, 2021). Selari dengan perkembangan tersebut, dalam konteks akademia, antara perbincangan yang sering menarik minat terutamanya dalam kalangan para sarjana ialah mengenai kelestarian dan prestasi institusi kewangan Islam. Justeru itu, makalah ini akan menumpukan penelitian kepada penerbitan berkaitan prestasi institusi kewangan Islam terkandung dalam pangkalan data Scopus untuk diteliti trend global penerbitan dan prestasi kajian masa hadapan berkaitan prestasi institusi kewangan Islam. Sehubungan dengan itu, makalah ini distrukturkan kepada empat bahagian iaitu sorotan literatur, metodologi, dapatan dan perbincangan.

SOROTAN LITERATUR

Institusi kewangan merupakan institusi yang penting kerana ia memberi kesan sensitif kepada ekonomi dan tahap keyakinan umum kepada sistem dan dasar yang dilaksanakan oleh pentadbiran kerajaan dalam memastikan pembangunan sesebuah negara (Ofoeda et al., 2016). Dalam konteks keyakinan, dilihat bahawa institusi kewangan Islam lebih mendapat perhatian kerana asas pengoperasiannya yang berbasis kepada prinsip syariah yang tekad dan etika serta perkongsian risiko yang dapat memastikan komitmen setiap pihak dalam pencapaian prestasi yang diingini (Tabash et al., 2023). Sehubungan itu, selari dengan pertumbuhan pesat institusi kewangan Islam, perbincangan dan pengkajian berkaitan prestasi institusi kewangan Islam sering mendapat tempat dalam kalangan pengkaji (Majeed & Zainab, 2021).

Setakat ini pelbagai kajian telah dilakukan berkaitan penilaian dan pencapaian prestasi institusi kewangan Islam. Perbezaan yang ada antara kajian-kajian tersebut ialah negara tumpuan kajian dan tempoh masa kajian dilaksanakan (Majeed & Zainab, 2021). Antara kajian prestasi institusi kewangan Islam yang telah dilakukan termasuklah oleh Elsiefy (2013); Jan et al. (2021); Mokhtar et al. (2008); Ofoeda et al. (2016); Rosly dan Abu Bakar (2003); Siraj dan Pillai, 2012; Tuan Ibrahim et al., 2020; Zheng et al., 2021). Umumnya kajian prestasi institusi kewangan Islam yang dilakukan ialah mengukur prestasi, menilai prestasi dan membandingkan prestasi institusi kewangan Islam. Namun, untuk mendapatkan

gambaran menyeluruh penerbitan yang terhasil secara lebih terperinci dan saintifik dengan menggunakan asas kuantitatif dengan pengukuran-pengukuran yang khusus, analisis bibliometrik dilakukan (Ellegaard & Wallin, 2015).

Menurut Supriani dan Mubarrok (2023), terdapat 76 kajian bibliometrik dilakukan ke atas penerbitan dalam bidang Ekonomi, Perbankan dan Kewangan Islam menggunakan pangkalan data Scopus, Web of Science dan Dimension. Namun, kajian yang menjurus kepada analisis bibliometrik ke atas institusi kewangan Islam secara khusus lebih-lebih lagi prestasi institusi kewangan Islam dilihat masih terhad. Setakat ini analisis bibliometrik yang telah dilakukan ke atas penerbitan yang agak hampir ialah kajian bibliometrik untuk penerbitan perbankan dan kewangan Islam secara sekali gus (Biancone et al., 2020; Hassanein & Mostafa, 2023; Supriani & Mubarrok, 2023), perbankan Islam secara khusus (Alshater et al., 2022; Husain & Mustafa, 2023), kewangan Islam secara khusus (Abd. Wahab et al., 2023; Alshater et al., 2021; Çuruk & Kaynar, 2021; Faizah et al., 2021; Qudah et al., 2023; Tijjani et al., 2020), fintech dan blockchain dalam kewangan Islam (Hassan et al., 2022; Unal, 2021), matlamat pembangunan lestari (SDG) dan kewangan Islam (Lanzara, 2021a), kewangan sosial Islam (Ismail & Aisyah, 2022; Lanzara, 2021b), kewangan Islam dalam sektor halal (Dini Lestari & Wiryono, 2023), institusi kewangan mikro dan usahawan kecil dan sederhana (Lwesya & Mwakalobo, 2023) serta perbankan dan kewangan Islam dalam kajian di peringkat PhD di United Kingdom (Ahmid & Ondes, 2019).

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, kajian yang paling hampir pernah dilakukan menggunakan analisis bibliometrik ke atas penerbitan prestasi institusi kewangan Islam dalam pangkalan data akademik ialah kajian oleh Buana et al. (2020). Sekalipun kajian ini turut menggunakan pangkalan data Scopus, namun terdapat empat perbezaan kajian Buana et al. (2020) dengan kajian yang dilakukan dalam makalah ini. Pertama, kajian ini melihat prestasi institusi kewangan Islam yang turut merangkumi perbankan Islam dan institusi-institusi kewangan Islam yang lain sedangkan kajian Buana et al. (2020) hanya mengkhusus kepada prestasi perbankan Islam sahaja. Kedua, kajian Buana et al. (2020) melibatkan dokumen sehingga awal tahun 2020, sedangkan kajian ini melangkaui tempoh 4 tahun selepas kajian Buana et al. (2020). Ketiga, kajian Buana et al., (2020) tidak memperincikan carian kata kunci dilakukan dalam ruangan tajuk sahaja (TITLE) atau tajuk, abstrak dan kata kunci (TITLE-ABS-

KEY) serta dilakukan dalam platform ‘*basic search*’ atau dalam ‘*advance document search*’ sedangkan kajian ini memperincikan perkara ini kerana setiap elemen strategi pencarian dokumen mempengaruhi dokumen yang dicapai seterusnya mempengaruhi analisis dan dapatan kajian. Keempat, kajian yang dilakukan ini akan mengoptimumkan penggunaan aplikasi perisian Biblioshiny, salah satu aplikasi dalam pakej perisian Bibliometrix R dan juga Bibliomagika, sedangkan kajian Buana et al. (2020) tidak memaklumi secara jelas perisian yang digunakan untuk analisis bibliometrik yang dilakukan.

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan, analisis bibliometrik penerbitan prestasi institusi kewangan Islam perlu dilakukan untuk melihat perkembangan, pemetaan dan kesenjangan kajian prestasi institusi kewangan Islam setakat kini. Untuk itu, kajian ini menetapkan 7 persoalan kajian (PK) untuk dijawab:

PK1: Bagaimanakah trend penerbitan prestasi institusi kewangan Islam (PIKI)?

PK2: Apakah penerbitan PIKI dengan impak tertinggi?

PK3: Siapakah pengkaji paling prolifik dalam penerbitan PIKI

PK4: Apakah institusi dan negara afiliasi penerbitan PIKI paling produktif?


PK5: Apakah kata kunci paling sohor kini dalam penerbitan PIKI?

PK6: Apakah trend kolaborasi penerbitan PIKI?

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan bibliometrik. Analisis bibliometrik merupakan pendekatan kajian kuantitatif yang melibatkan usaha meneliti dan menganalisis data bibliografik, seperti penerbitan, petikan (sitasi) dan *metadata* yang berkaitan, tentang ciri dan trend dalam sesuatu yang literatur menggunakan statistik dan teknik berbantu komputer untuk mengukur dan menilai maklumat bibliografik literatur (Khatib et al., 2023). Selari dengan tujuan kajian ini, analisis bibliometrik merupakan teknik efektif mengenal pasti fokus dan minat penyelidik dalam suatu bidang tertentu kerana ia menilai bahan bibliografi secara kuantitatif dan saintifik (Khatib et al., 2023). Seterusnya, kajian ini memilih pangkalan data Scopus ia merupakan pangkalan data abstrak dan terindeks terbesar yang pernah dibangunkan (Burnham, 2006) dengan rangkuman lebih 27 juta rekod daripada lebih 24,000 penerbit akademik (Izhar et al., 2023).

Untuk strategi pencarian pula, oleh kerana kajian ini akan menumpukan secara spesifik terhadap prestasi institusi kewangan Islam maka kata kunci yang digunakan ialah “(islam* AND (bank* OR "financial institution")) AND performance”. Pencarian pula dikhususkan ke atas tajuk artikel sahaja dan bukannya rangkuman tajuk-abstrak-kata kunci dalam platform pencarian ‘*advance document search*’ pangkalan data Scopus. Kaedah ini dilakukan untuk memberikan dokumen yang spesifik membincangkan prestasi institusi kewangan Islam. Berdasarkan strategi yang dilakukan ini, tiada kriteria limitasi ditetapkan ke atas tahun penerbitan, jenis bahasa, jenis sumber dan jenis dokumen supaya kesemua dokumen yang membincangkan tentang prestasi institusi kewangan Islam telah terangkum dalam strategi pencarian ini. Berdasarkan strategi pencarian yang ditetapkan ini, sebanyak 406 dokumen memenuhi pencarian yang ditetapkan. Seterusnya untuk tujuan penganalisan dan pembentangan dapatan, perisian Microsoft Excel, VOSViewer, Bibliometrix R dan aplikasi Bibliomagika digunakan. Secara keseluruhannya, ringkasan kepada carta aliran strategi pencarian dokumen dalam kajian ini diringkaskan dalam Rajah 1 berikut:




Rajah 1: Carta Alir Proses Strategi Pencarian Dokumen Penerbitan PIKI

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian seterusnya ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan kepada persoalan kajian atau PK yang telah ditetapkan seperti mana yang dinyatakan di awal makalah ini. Berdasarkan strategi pencarian yang dilakukan dilihat bahawa penerbitan berkaitan prestasi institusi kewangan Islam mula berada dalam pangkalan data Scopus sejak 1996. Bermakna tempoh bagi kajian ini ialah selama 29 tahun iaitu 1996 sehingga 2024. Jumlah dokumen yang telah diperolehi ialah sebanyak 406 dokumen.


PK1: Bagaimanakah trend penerbitan prestasi institusi kewangan Islam (PIKI)?

Penerbitan PIKI dilihat mula bertapak di pangkalan data Scopus pada tahun 1996 dengan artikel bertajuk *The effects of management policy on the performance of Islamic banks* karya Sudin Haron (Haron, 1996) yang diterbitkan dalam *Asia Pacific Journal of Management* terbitan Springer Nature. Sejak itu penerbitan berkaitan PIKI kian meningkat dalam pangkalan data Scopus. Rajah 1 berikut ini menunjukkan trend penerbitan mengikut tahun berserta trend sitasi yang dicatatkan bagi dokumen yang dipilih dalam kajian ini. Dari sudut trend penerbitan, Rajah 1 dilihat mencatatkan peningkatan penerbitan PIKI agak tidak linear atau dalam erti kata yang lain, trend yang turun naik. Walau bagaimanapun ketidaklinearan tersebut tidaklah begitu ketara. Berdasarkan garis arah aliran (*trendline*) yang ditunjukkan dalam Rajah 2 dapat disimpulkan bahawa trend penerbitan PIKI ada peningkatan sejak ia bermula di pangkalan data Scopus sehingga kini.



Rajah 2: Trend Penerbitan dan Sitasi Prestasi Institusi Kewangan Islam (PIKI) Mengikut Tahun

Berdasar Rajah 1 dan Rajah 2 di atas dilihat penerbitan PIKI mengambil masa hampir 14 tahun untuk fasa pengenalan bidang. Hanya selepas 14 tahun iaitu dalam tahun 2010 baharulah dilihat penerbitan PIKI dilihat mula meningkat namun tidak begitu konsisten. Perkara ini jelas diperhatikan pada tahun 2020 dan 2021 bila mana penerbitan PIKI berkurang secara drastik. Hal ini boleh dikaitkan dengan berlakunya pandemik COVID-19 yang memberikan kesan yang sangat signifikan terhadap penerbitan bukan berkaitan COVID-19 (Lapostolle et al., 2021; López-López et al., 2020). Namun bermula tahun 2022 jumlah penerbitan dilihat meningkat mendadak. Sehingga mencapai kemuncak jumlah penerbitan tertinggi per tahun pada tahun 2023 dengan 16.995% (69 dokumen) daripada keseluruhan jumlah penerbitan. Setakat 2024 sehingga Mac 2024 bilangan penerbitan PIKI sudah mencecah 12 dokumen sekalipun tahun 2024 baharu di peringkat 2 bulan pertama.



Rajah 3: Garisan Arah Aliran (*Trendline*) Bagi Trend penerbitan Dan Sitasi Prestasi Institusi Kewangan Islam (PIKI) mengikut tahun

Penerbitan PIKI dilihat mula mendapat minat yang ketara dalam kalangan sarjana bermula tahun 2014. Rajah 2 menunjukkan bilangan sitasi yang tinggi (712 sitasi) diterima oleh dokumen yang diterbitkan pada tahun 2014, diikuti tahun 2017 (752 sitasi) dan yang tertinggi tahun 2019 (756 sitasi).

Jadual 1 berikut membentangkan matriks sitasi dengan pelbagai parameter analisis bibliometrik, yang mengemukakan analisis terhadap kesan dan kaitan penerbitan dalam domain penyelidikan PIKI. Analisis ini dijalankan menggunakan perisian biblioMagika, yang mentransformasi data Scopus menjadi matriks bermakna seperti jumlah bilangan dokumen, bilangan sitasi berdasarkan jumlah, tahun, sitasi per tahun, sitasi setiap pengarang, dokumen setiap pengarang, indeks-h dan indeks-g. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, kajian mempertimbangkan 406 penerbitan yang telah menerima sejumlah 5,502 sitasi dalam tempoh 29 tahun. Purata bilangan sitasi yang diterima setahun ialah 196.5, dengan purata 13.55 sitasi setiap dokumen. Data juga mendedahkan 4.82 sitasi bagi setiap pengarang. Indeks h, yang mengukur kesan penerbitan, berada pada 35, manakala indeks g, yang menilai kedua-dua produktiviti dan impak penerbitan dan meletakkan pemberat kepada dokumen dengan sitasi lebih tinggi,

ialah 62. Nilai indeks-h sebanyak 35 ini menunjukkan impak penerbitan yang baik (Noble & Kecojenic, 2015).

Matriks sitasi yang ditunjukkan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa penyelidikan PIKI memberi kesan yang signifikan kepada komuniti akademik. Nilai indeks h dan indeks g yang agak tinggi menunjukkan bahawa penerbitan dalam domain ini berpengaruh dan diterima baik oleh warga penyelidik. Data juga mendedahkan bahawa berbilang pengarang kerap berkolaborasi dalam penyelidikan PIKI, seperti yang dibuktikan oleh purata 2.81 pengarang setiap dokumen. Penemuan ini menggariskan masih terdapat ruang berkolaborasi yang luas antara disiplin penyelidikan PIKI agar dapat menangani cabaran realiti semasa yang kompleks terutamanya yang dikaitkan dengan percambahan penggunaan teknologi AI, Big Data, FinTech dan Matawang Krypto.

Jadual 1: Matriks Sitasi

Maklumat Asas	Data
Tahun Penerbitan	1996 - 2024
Jumlah Penerbitan	406
Tahun boleh Disitasi (Citable Years)	29
Bilangan Pengarang yang Menyumbang	1141
Jumlah Dokumen Disitasi	311
Jumlah Sitasi	5,502
Sitasi per Dokumen	13.55
Sitasi per Dokumen Disitasi	17.69
Sitasi per Tahun	196.50
Sitasi per Pengarang	4.82
Pengarang per Dokumen	2.81
Jumlah Sitasi dalam h-Core	4,823
Indeks - h	35
Indeks - g	62

PK2: Apakah penerbitan PIKI dengan impak tertinggi?

Jadual 2 berikut ini pula menyenaraikan dokumen dengan impak global tertinggi sekali gus menjawab PK2 dalam kajian ini. Mollah & Zaman (2015) mendahului senarai dengan 324 sitasi global. Artikel beliau dengan tajuk *Shari'ah supervision, corporate governance and performance: Conventional vs. Islamic banks* telah diterbitkan

dalam jurnal bertajuk *Journal of Banking and Finance*. Platonova et al. (2018) sekalipun menerima sitasi global pada tangga kedua dengan jumlah sitasi 296, namun ia mencatatkan sitasi per tahun lebih tinggi (42.29) berbanding Mollah & Zaman (2015) yang mencatatkan sitasi per tahun sebanyak 32.40. Kajian (Platonova et al., 2018) dilihat menghubungkan kaitkan prestasi dengan tanggungjawab sosial sektor perbankan. Kajian Mallin et al. (2014) dengan impak penerbitan ketiga tertinggi (239 sitasi) juga menghubungkan kaitkan prestasi institusi perbankan Islam dengan tanggungjawab sosial.


Jadual 2: Pengarang, Dokumen dan Penerbitan dengan Sitasi Tertinggi

Bil.	Pengarang	Tajuk	Tajuk Sumber	JS	S/T
1	Mollah S.; Zaman M. (2015)	<i>Shari'ab supervision, corporate governance and performance: Conventional vs. Islamic banks</i>	<i>Journal of Banking and Finance</i>	324	32.40
2	Platonova E.; Asutay M.; Dixon R.; Mohammad S. (2018)	<i>The Impact of Corporate Social Responsibility Disclosure on Financial Performance: Evidence from the GCC Islamic Banking Sector</i>	<i>Journal of Business Ethics</i>	296	42.29
3	Mallin C.; Farak H.; Ow-Yong K. (2014)	<i>Corporate social responsibility and financial performance in Islamic banks</i>	<i>Journal of Economic Behavior and Organization</i>	239	21.73
4	Mollah S.; Hassan M.K.; Al Farooque O.; Mobarek A. (2017)	<i>The governance, risk-taking, and performance of Islamic banks</i>	<i>Journal of Financial Services Research</i>	192	24.00
5	Johnes J.; Izzeldin M.; Pappas V. (2014)	<i>A comparison of performance of Islamic and conventional banks 2004-2009</i>	<i>Journal of Economic Behavior and Organization</i>	191	17.36

Petunjuk: JS – Jumlah Sitasi; S/T – Sitasi per Tahun


PK3: Siapakah pengkaji paling prolifik dalam penerbitan PIKI?

Dari sudut pengkaji paling prolifik dalam penerbitan PIKI pula, Rajah 4 berikut menggambarkan 10 pengkaji paling prolifik dengan didahului oleh Nawaz, T, diikuti Haron, R dan Asutay, M serta Haddad, A. Menerusi analisis dalam aplikasi Biblioshiny, jumlah penerbitan oleh Nawaz, T ialah 8 dokumen dengan jumlah sitasi sebanyak 270. Manakala pengkaji dengan impak tertinggi pula ialah Asutay, M dengan jumlah sitasi yang diterima ialah 372 menerusi 6 dokumen yang dihasilkan.



Rajah 4: 10 Pengkaji paling prolifik dalam domain PIKI


Berdasarkan analisis yang dilakukan menerusi Biblioshiny, produktiviti pengkaji mengikut masa ialah seperti mana yang tertera dalam Rajah 5 berikut. Diperhatikan sekalipun Nawaz, T mencatatkan jumlah penerbitan tertinggi namun Asutay, M; Haddad, A dan Ali, M di lihat semakin produktif dan meraih impak lebih tinggi dalam tempoh tahun 2022 dan 2023 terakhir. Perkara ini dapat dilihat menerusi rajah yang bertanda dalam Rajah 5 berikut.



Rajah 5: Produktiviti Pengkaji dalam domain PIKI Mengikut Tahun

PK4: Apakah institusi dan negara afiliasi penerbitan PIKI paling produktif?

Rajah 6 berikut ini pula menyenaraikan sepuluh institusi yang teratas paling prolifik dalam menghasilkan kajian PIKI. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia menjadi penyumbang utama penerbitan PIKI diikuti Universiti of Sfax di Tunisia di tempat kedua dan Universiti Utara Malaysia di tempat ketiga.




Rajah 6: Produktiviti Insitituti Afialiasi untuk penerbitan PIKI

Sementara bilangan negara di mana institusi afiliasi pengkaji domain PIKI yang terlibat dalam penghasilan dokumen ialah sebanyak 43 negara dengan Indonesia dan Malaysia mendahului berbanding negara-negara lain.

Jadual 3: Jumlah Afiliasi Penerbitan PIKI Mengikut Negara

Negara	Afiliasi yang terlibat
Indonesia	296
Malaysia	263
Pakistan	81
Tunisia	61
United Kingdom	51
Jordan	40
United Arab Emirates	40
Bahrain	38
Saudi Arabia	35
Bangladesh	24

Sementara itu, apabila diteliti dampak penerbitan PIKI mengikut negara pula United Kingdom dilihat mendahului negara-negara lain diikuti selepasnya ialah Malaysia. Perkara ini ditunjukkan dalam Rajah 7 yang berikut.



Rajah 7: Dampak Penerbitan PIKI Mengikut Negara

PK5: Apakah kata kunci paling sohor kini dalam penerbitan PIKI?

Kata kunci yang ditetapkan terutamanya oleh pengkaji merupakan penanda kepada bidang tumpuan penerbitan PIKI. Untuk melihat kata kunci yang paling dominan digunakan Rajah 8 berikut menggambarkan tumpuan kata kunci dalam bentuk *word cloud*.



Rajah 8: Word Cloud Kata Kunci Pengkaji

Dalam *word cloud* yang dibentangkan dalam Rajah 8, dilihat tumpuan pengkaji lebih kepada keuntungan (*profitability*), pembangunan lestari, pengurusan maklumat, prestasi kewangan dan prestasi bank. Selain itu, dilihat negara yang muncul dalam kata kunci ialah Malaysia, Indonesia dan Pakistan. Setakat ini institusi kewangan lain tidak terpamer sebagai kata kunci dalam dokumen-dokumen yang dipilih ini. Bermakna tumpuan perbincangan institusi kewangan banyak tertumpu kepada institusi perbankan.

PK6: Apakah trend kolaborasi penerbitan PIKI?

Jadual 3: Kolaborasi antara Negara (10 Tertinggi) dalam Penghasilan Penerbitan PIKI

Negara Kolaborasi		Bil
Malaysia	Pakistan	12
Pakistan	Saudi Arabia	7
Malaysia	Bangladesh	6
Indonesia	Malaysia	5
Malaysia	Yemen	5

Tunisia	France	5
Jordan	United Arab Emirates	4
Malaysia	Saudi Arabia	4
United Kingdom	France	4
Amerika Syarikat	Australia	4

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan dalam Biblioshiny Jadual 3 menunjukkan kolaborasi yang paling kerap ialah si antara Malaysia dan Pakistan untuk domain PIKI ini. Diperhatikan juga, kolaborasi negara-negara Barat lebih tertumpu dalam kalangan negara Barat sendiri melainkan kolaborasi antara Tunisia dan Perancis. Perbincangan berkaitan PIKI akan menjadi lebih menarik dan dinamik lagi apabila ditingkatkan kolaborasi antara rantau yakni Barat dan Asia di masa akan datang.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, sebanyak 406 telah dipilih untuk menunjukkan penerbitan dalam prestasi institusi kewangan Islam. Dalam kajian ini dibincangkan trend semasa dan evolusi yang berlaku dalam kalangan 406 dokumen ini. Maklumat-maklumat bibliometrik utama telah diteroka termasuklah trend penerbitan tahunan, pengkaji prolifk dan produktif, kata kunci utama yang menjadi tumpuan, impak dan jumlah sitasi dokumen, institusi dan negara afiliasi paling produktif, Berdasarkan analisis deskriptif tersebut, ruang-ruang yang dapat dilihat untuk pengkajian masa hadapan ialah membincangkan pencapaian prestasi dalam bentuk selain keuntungan dan menumpukan juga kepada institusi kewangan selain perbankan. Justeru, perbincangan dalam makalah ini diharapkan dapat membawa kepada lebih banyak penyelidikan berkaitan prestasi institusi kewangan Islam yang lebih selari dengan falsafah institusi Islam itu sendiri dengan beracuankan tasawur Islam dan berlandaskan epistemologi Islam. Salah satu batasan kajian ini adalah tertumpu kepada pangkalan data Scopus yang merupakan sumber utama analisis bibliometrik secara lazim. Kajian masa depan adalah digalakkan untuk mempertimbangkan pangkalan data lain untuk mengetahui kedudukan penerbitan prestasi institusi kewangan Islam.

PENGHARGAAN

Penghargaan teruntuk kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Kod: FRGS/1/2022/SS02/USM/02/4.

RUJUKAN

- Abd. Wahab, N., Mohd Yusof, R., Zainuddin, Z., Shamsuddin, J. N., & Mohamad, S. F. N. (2023). Charting future growth for Islamic finance talents in Malaysia: a bibliometric analysis on the Islamic finance domains and future research gaps. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 14(5). <https://doi.org/10.1108/JIABR-02-2022-0045>
- Ahmid, A., & Ondes, T. (2019). Bibliometric Analysis of PhD dissertations Written in Islamic Banking and Finance in the United Kingdom. *Journal of Islamic Economics and Finance*, 5(1).
- Alshater, M. M., Hassan, M. K., Khan, A., & Saba, I. (2021). Influential and intellectual structure of Islamic finance: a bibliometric review. In *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* (Vol. 14, Issue 2). <https://doi.org/10.1108/IMEFM-08-2020-0419>
- Alshater, M. M., Khan, A., Hassan, M. K., & Paltrinieri, A. (2022). Islamic Banking: Past, Present and Future. *Journal of College of Sharia & Islamic Studies*, 41(1). <https://doi.org/10.29117/jcsis.2023.0351>
- Biancone, P. Pietro, Saiti, B., Petricean, D., & Chmet, F. (2020). The bibliometric analysis of Islamic banking and finance. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 11(9). <https://doi.org/10.1108/JIABR-08-2020-0235>
- Buana, G. K., Hudaefi, F. A., & Caraka, R. E. (2020). Islamic Banking Performance: A Bibliometric Review. *Preprints*, 1(December).
- Burnham, J. F. (2006). Scopus database: A review. In *Biomedical Digital Libraries* (Vol. 3). <https://doi.org/10.1186/1742-5581-3-1>
- Çuruk, S. A., & Kaynar, Z. (2021). Bibliometric Analysis of Islamic Finance Literature. *International Journal of Business & Economic Studies*, 3(1).
- Dini Lestari, & Wiryono, S. K. (2023). Bibliometric Analysis of Islamic Finance Within the Halal Sector Industry. *Journal Integration of Management Studies*, 1(1). <https://doi.org/10.58229/jims.v1i1.12>
- Ellegaard, O., & Wallin, J. A. (2015). The bibliometric analysis of scholarly production: How great is the impact? *Scientometrics*, 105(3). <https://doi.org/10.1007/s11192-015-1645-z>

- Elsiefy, E. (2013). Comparative Analysis of Qatari Islamic Banks Performance versus Conventional Banks Before , During and After the Financial Crisis. *International Journal of Business and Commerce*, 3(3).
- Faizah, N. I., Puspita, F. F., Lestari, D., & Indriyeni, I. (2021). Growth rates of islamic finance: A bibliometric analysis based on the number of publications. *Imara: Jurnal Riset Ekonomi Islam*, 5(2). <https://doi.org/10.31958/imara.v5i2.2749>
- Haron, S. (1996). The effects of management policy on the performance of Islamic banks. In *Asia Pacific Journal Of Management* (Vol. 13).
- Hassan, M. K., Bashar, A., Raza Rabbani, M., & Choudhury, T. (2022). An Insight into the Fintech and Islamic Finance Literature: A Bibliometric and Visual Analysis. In *FinTech in Islamic Financial Institutions: Scope, Challenges, and Implications in Islamic Finance*. https://doi.org/10.1007/978-3-031-14941-2_7
- Hassanein, A., & Mostafa, M. M. (2023). Bibliometric network analysis of thirty years of islamic banking and finance scholarly research. *Quality and Quantity*, 57(3), 1961–1989. <https://doi.org/10.1007/s11135-022-01453-2>
- Husain, F., & Mustafa, M. S. (2023). A Decade of Islamic Banking Research: Bibliometric Review with Biblioshiny and Vosviewer. *Jambura Science of Management*, 5(2). <https://doi.org/10.37479/jsm.v5i2.19295>
- Ismail, N., & Aisyah, S. (2022). Islamic Social Finance: A Bibliometric Analysis. *Global Review of Islamic Economics and Business*, 9(2). <https://doi.org/10.14421/grieb.2021.092-02>
- Izhar, N. A., Ishak, N. A., & Baharudin, S. M. (2023). A Bibliometric Analysis of 21st Century Learning Using Scopus Database. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 22(3). <https://doi.org/10.26803/ijlter.22.3.14>
- Jan, A. A., Lai, F. W., & Tahir, M. (2021). Developing an Islamic Corporate Governance framework to examine sustainability performance in Islamic Banks and Financial Institutions. *Journal of Cleaner Production*, 315. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2021.128099>
- Khatib, S. F. A., Abdullah, D. F., Elamer, A., Yahaya, I. S., & Owusu, A. (2023). Global trends in board diversity research: a bibliometric view. In *Meditari*

- Accountancy Research* (Vol. 31, Issue 2, pp. 441–469). Emerald Publishing.
<https://doi.org/10.1108/MEDAR-02-2021-1194>
- Lanzara, F. (2021a). Islamic Finance and Sustainable Development Goals. A Bibliometric Analysis from 2000 to 2021. *EJIF - European Journal of Islamic Finance*, 18(August).
- Lanzara, F. (2021b). Islamic Finance as Social Finance: A Bibliometric Analysis from 2000 to 2021. *International Journal of Business and Management*, 16(9).
<https://doi.org/10.5539/ijbm.v16n9p107>
- Lapostolle, F., Petrovic, T., Goix, L., & Adnet, F. (2021). Impact of COVID-19 pandemic on non-COVID-19 publications. In *Resuscitation* (Vol. 162).
<https://doi.org/10.1016/j.resuscitation.2021.02.020>
- López-López, W., Salas, G., Vega-Arce, M., Cornejo-Araya, C. A., Barboza-Palomino, M., & Ho, Y. S. (2020). Publications on COVID-19 in High Impact Factor Journals: A Bibliometric Analysis. *Universitas Psychologica*, 19. <https://doi.org/10.11144/Javeriana.upsy19.pchi>
- Lwesya, F., & Mwakalobo, A. B. S. (2023). Frontiers in microfinance research for small and medium enterprises (SMEs) and microfinance institutions (MFIs): a bibliometric analysis. *Future Business Journal*, 9(1).
<https://doi.org/10.1186/s43093-023-00195-3>
- Majeed, M. T., & Zainab, A. (2021). A comparative analysis of financial performance of Islamic banks vis-a-vis conventional banks: evidence from Pakistan. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 13(3), 331–346.
<https://doi.org/10.1108/IJIF-08-2018-0093>
- Mallin, C., Farag, H., & Ow-Yong, K. (2014). Corporate social responsibility and financial performance in Islamic banks. *Journal of Economic Behavior and Organization*, 103. <https://doi.org/10.1016/j.jebo.2014.03.001>
- Mokhtar, H. S. A., Abdullah, N., & Alhabshi, S. M. (2008). Efficiency and competition of Islamic banking in Malaysia. *Humanomics*, 24(1).
<https://doi.org/10.1108/08288660810851450>
- Mollah, S., & Zaman, M. (2015). Shari'ah supervision, corporate governance and performance: Conventional vs. Islamic banks. *Journal of Banking and Finance*, 58. <https://doi.org/10.1016/j.jbankfin.2015.04.030>
- Noble, A., & Kecojevic, V. (2015). Analysis of research scholarship for academic staff at US ABET accredited mining engineering schools by publications, citations and h-index. *Transactions of the Institutions of Mining*

- and Metallurgy, Section A: Mining Technology*, 124(4).
<https://doi.org/10.1179/1743286315Y.0000000010>
- Ofoeda, I., Gariba, P., & Amoah, L. (2016). Regulation and performance of non bank financial institutions in Ghana. *International Journal of Law and Management*, 58(1). <https://doi.org/10.1108/IJLMA-11-2014-0060>
- Platonova, E., Asutay, M., Dixon, R., & Mohammad, S. (2018). The Impact of Corporate Social Responsibility Disclosure on Financial Performance: Evidence from the GCC Islamic Banking Sector. *Journal of Business Ethics*, 151(2). <https://doi.org/10.1007/s10551-016-3229-0>
- Qudah, H., Malahim, S., Airout, R., Alomari, M., Hamour, A. A., Alqudah, M., Alshater, M. M., & Khoury, R. El. (2023). Citation: *International Journal of Financial Studies Islamic Finance in the Era of Financial Technology: A Bibliometric Review of Future Trends*. <https://doi.org/10.3390/ijfs11020076>
- Rosly, S. A., & Abu Bakar, M. A. (2003). Performance of Islamic and mainstream banks in Malaysia. *International Journal of Social Economics*, 30(11–12). <https://doi.org/10.1108/03068290310500652>
- Siraj, K. K., & Pillai, P. S. (2012). Comparative Study on Performance of Islamic Banks and Conventional Banks in GCC Region. *Journal of Applied Finance & Banking*, 2(3).
- Supriani, I., & Mubarrok, U. S. (2023). Islamic economics, banking, and finance literature bibliometrics approach: Guideline for journal databases. *Review of Islamic Social Finance and Entrepreneurship*. <https://doi.org/10.20885/risfe.vol2.iss1.art3>
- Tabash, M. I., Alnahhal, M., & Bagheri, N. (2023). Islamic financial institutions performance pre- and post-global financial crisis 2007/2008: empirical insights from Gulf Cooperation Council. *International Journal of Business and Systems Research*, 17(1). <https://doi.org/10.1504/IJBSR.2022.10036153>
- Tijjani, B., Ashiq, M., Siddique, N., Khan, M. A., & Rasul, A. (2020). A bibliometric analysis of quality research papers in Islamic finance: evidence from Web of Science. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 13(1). <https://doi.org/10.1108/IJIF-03-2020-0056>
- Tuan Ibrahim, T. A. F., Hashim, H. A., & Mohamad Ariff, A. (2020). Ethical values and bank performance: evidence from financial institutions in

Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 11(1).
<https://doi.org/10.1108/JIABR-11-2016-0139>

Unal, I. M. (2021). Fintech And Blockchain in Islamic Finance: A Bibliometric Analysis. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3921538>

Zheng, G. W., Siddik, A. B., Masukujjaman, M., & Fatema, N. (2021). Factors affecting the sustainability performance of financial institutions in Bangladesh: The role of green finance. *Sustainability (Switzerland)*, 13(18).
<https://doi.org/10.3390/su131810165>